

Headline	Tanam pokok ipoh selepas Ramadan		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	01 Jun 2017	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	125,514
Page No	13	Readership	947,000
Language	Malay	ArticleSize	288 cm <sup>2</sup>
Journalist	Balqis Jazimah Zahari	AdValue	RM 9,928
Frequency	Daily	PR Value	RM 29,783



# Tanam pokok ipoh selepas Ramadan

→ Ganti pohon ditumbang ribut

Oleh Balqis Jazimah Zahari

bhnews@bh.com.my

Ipoh

Pokok Ipoh di hadapan Dewan Bandaran Ipoh, di sini, yang musnah dan tumbang akibat kejadian hujan lebat dan ribut pada April lalu, akan diganti dengan pokok ipoh yang baharu.

Datuk Bandar Ipoh, Datuk Zamri Man, berkata pokok ikonik ban-

dar raya berusia 34 tahun itu akan diganti semula dengan jenis pokok yang sama yang mana tarikh penanamannya dijangka dilakukan selepas bulan puasa ini.

## Ganti pokok baharu

"Bukan setakat penduduk bandar raya Ipoh yang berasa sedih apabila pokok itu tumbang tetapi perasaan sama turut diluahkan orang ramai dari seluruh negara melalui media sosial."

"Pokok ipoh adalah lambang bandar raya ini dan dimiliki oleh semua, justeru kita akan menjemput semua pihak yang berkepentingan dengan Ipoh termasuk pertubuhan bukan kerajaan (NGO) untuk turut serta ketika hendak majlis menanam semula menggantikan pokok yang tumbang itu," katanya pada sidang media selepas

mempengerusikan Mesyuarat Bulanan MBI di Bangunan Majlis Bandaraya Ipoh (MBI), di sini, semalam.

Zamri berkata, sebaik menerima laporan berkenaan kejadian pokok itu tumbang, beliau serta merta mengarahkan pegawai untuk ke lokasi bagi membuat tindakan segera untuk memastikan pokok itu diselamatkan.

## Rujuk pakar tumbuhan

"Namun, ia tidak dapat diselamatkan kerana pokok itu patah terus, kalau patah sedikit mungkin kita boleh mendapatkan jentera dan sebagainya bagi menolak atau menyokong pokok... tetapi apabila patah teruk kita tidak boleh berbuat apa-apa selain menggantikan dengan yang baharu," katanya.

Sementara itu, mengulas beberapa kejadian pokok tumbang di bandar raya ini April lalu yang turut membabitkan kemalangan jiwa, Zamri berkata, pihaknya sudah meminta pakar tumbuh-tumbuhan MBI untuk merujuk dan meminta khidmat nasihat beberapa institusi termasuk Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM).

Headline	Tanam pokok ipoh selepas Ramadan		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	01 Jun 2017	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	125,514
Page No	13	Readership	947,000
Language	Malay	ArticleSize	288 cm <sup>2</sup>
Journalist	Balqis Jazimah Zahari	AdValue	RM 9,928
Frequency	Daily	PR Value	RM 29,783



**Pokok ipoh tumbang di Dataran Keretapi Tanah Melayu, Ipoh pada 28 April lalu.**